

EPU diminta timbang kadar tol istimewa

KUALA LUMPUR 30 April – Unit Perancang Ekonomi (EPU) diminta mempertimbangkan kadar tol lebih rendah bagi mereka yang berulang-alik ke tempat kerja untuk menyelesaikan isu tol yang membebankan rakyat.

Menteri Kerja Raya, Datuk Shaziman Abu Mansor berkata, kadar istimewa itu boleh dikuatkuasakan secara terhad iaitu pada waktu puncak di sebelah pagi dan petang sahaja.

Menurutnya, sebahagian besar pekerja kini terbeban apabila terpaksa membayar tol setiap hari kerana menetap jauh dari pejabat berikutan komitmen tertentu.

“Sebagai contoh, bekerja di Putrajaya tetapi duduk di Puncak Alam atau Shah Alam, dia terpaksa melalui jalan bertol setiap hari untuk ke tempat kerja.

“Mungkin EPU dalam kertas cadangannya perlu mempertimbangkan beberapa opsyen antaranya memperkenalkan kadar tol istimewa pada waktu puncak bagi pekerja yang

berulang-alik ke tempat kerja setiap hari,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas merasmikan Seksyen Satu Lebuhraya Duta-Ulu Klang (Duke) dari persimpangan Jalan Kuching ke persimpangan Sentul Pasar di sini hari ini.

Hadir sama Pengarah Urusan Konsortium Lebuhraya Utara-Timur (KL) Sdn. Bhd. (Kesturi), Datuk Haris Onn Hussein; Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya, Datuk Thomas George dan Pengerusi Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM), Datuk Syed Jamal Syed Jaafar.

Perasmian seksyen berkenaan melengkapkan pembukaan keseluruhan jajaran Duke yang mula dibina tiga tahun lalu dengan kos RM892 juta.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak pada pertengahan bulan ini mengarahkan EPU mengemukakan penyelesaian

komprehensif berkaitan isu tol.

Ia bagi mengurangkan dan menangani masalah kadar tol yang merupakan suatu bebanan kepada rakyat dan kerajaan.

Kertas cadangan itu akan dikemukakan oleh EPU dalam tempoh tiga bulan selepas mengkaji semua aspek termasuk perjanjian konsesi dan kesannya terhadap ekonomi negara.

Mengulas lanjut Shaziman berkata, pelaksanaan kadar tol istimewa itu bagaimanapun tertakluk kepada kemampuan kewangan kerajaan untuk membiayainya.

Dalam perkembangan berkaitan, beliau mengarahkan LLM supaya memantau keberkesanan mesin tambah nilai *Touch 'n Go* layan diri yang dipasang di lorong plaza tol tertentu.

Katanya, beliau tidak mahu ia menyebabkan kenderaan beratur panjang untuk menambah nilai kad berkenaan sehingga berlakunya kesesakan lalu lintas pada waktu puncak.